

Khasiat habbatus sauda, zamzam terbukti berkesan

» Penyelidik temui kaedah baharu bantu penagih Opiat

Oleh Aslina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

Kuala Terengganu

Isu Wanita dan Kanak-Kanak di UniSZA, Prof Dr Mold Ekiwan Toriman, berkata penyelidikan itu adalah sebahagian daripada inisiatif universiti dalam membangunkan Rawatan Komprehensif Untuk Merawat Ketagihan Opiat.

"Kajian awal kita mendapati responden mula menunjukkan perkembangan positif selepas diberikan air zamzam dan habbatus sauda dalam mengurangkan pengambilan metadon untuk mengatasi ketagihan Opiat mereka.

Mohd Ekhwan berkata, kajian yang turut disertai Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaya dan Penjara Marang itu membabitkan tiga disiplin iaitu perubatan, pengajaran Islam dan sains sosial selama lima tahun.

Beliau berkata, hasil penyelidikan itu mendapat maklum balas yang memberangsangkan.

"Kebanyakan responden mampu mengatasi ketagihan selepas menjalai rawatan ini dan kita merancang untuk memperluaskan kaedah ini membabitkan lebih ramai penagih Opiat," katanya.

Kurang ambil metadon
"Kajian menggunakan bahan semula jadi itu bertujuan mengurangkan pengambilan metadon dalam kalangan penagih kerang bahan berkenaan semasa diambil secara berlebihan. "Kaedah yang kita lakukan ini lebih kepada perawatan secara Islam dan dilaksanakan secara menyeluruh, termasuk mengadakan program keagamaan dan sesi kaunseling keadaan pada penagih.

"Penyelidikan dan kajian itu dilakukan menggunakan geran berjumlah RM5 juta" katanya selepas persamuan Seminar Mengenai Hukum dan Isu



Mohd Ekhwan Toriman

INFO

- Dadah Opiat**
- ➊ Dadah yang diperoleh daripada tumbuhan popi
 - ➋ Antara dadah Opiat adalah heroin, morfin dan kodein
 - ➌ Menyebabkan keragihan, mempengaruhi tindakan dan pemikiran pengguna
 - ➍ Beri resan terhadap sistem saraf pusat
 - ➎ Dalam bidang Opiat adalah heroin, morfin dan kodein
 - ➏ Menyebabkan keragihan, mempengaruhi tindakan dan pemikiran pengguna
 - ➐ Beri resan terhadap sistem saraf pusat
 - ➑ Dalam bidang perubatan digunakan untuk tidur atau melegakan kesakitan
 - ➒ Boleh merebak ke otak dan sistem saraf dengan cepat



Untuk komen,
hantar e-mel nienerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online